

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 16.08.2024 MASA: 12.00pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN HARI WARISAN
SEBERANG PERAI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**17 OGOS 2024 (SABTU)
2.30 PETANG**

**UPCYCLE PARK
BANDAR PERDA
BUKIT MERTA JAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati

En Bernard Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Pulau Pinang

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Majlis Perasmian Penutupan Hari Warisan Seberang Perai di Taman Upcycle, Bandar Perda.**
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis; Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP yang sudi hadir bersama, pada petang yang berbahagia ini.
3. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang; Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Pulau Pinang; Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang; Ketua Zon 3, Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Perda; Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bandar Perda; Penyelaras KADUN Seberang Jaya; pihak urusetia program dan semua pihak yang terlibat atas kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam merealisasikan segala perancangan dan menjayakan program istimewa pada hari ini.

4. Hari Warisan Seberang Perai merupakan satu program tahunan yang diadakan untuk meraikan kekayaan kebudayaan warisan dan melestarikannya bersama komuniti.
5. Program Hari Warisan Seberang Perai ini adalah merupakan program anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kolaborasi bersama *stakeholders* iaitu Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Pulau Pinang, pihak sekolah dan komuniti setempat dalam memperkasakan *tangible & intangible heritage product* di Seberang Perai.
6. Program Hari Warisan Seberang Perai ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai dalam usaha memartabatkan warisan kita. Warisan adalah termasuk panorama alam, habitat flora dan faunanya, perkampungan tradisional termasuk pakaian dan kuih muih tradisional, peristiwa yang ada kepentingan sejarah, tapak, bangunan dan monumen warisan.
7. Program ini dapat memberikan pendedahan dan pendidikan mengenai warisan yang terdapat di Seberang Perai serta menonjolkan aspek-aspek warisan yang boleh diketengahkan sebagai satu produk pelancongan dan mengetengahkan permainan dan pakaian tradisional.
8. Pelbagai pengisian menarik dipersembahkan kepada warga Seberang Perai dalam Program Hari Warisan Seberang Perai 2024, di

antaranya adalah Pertandingan Sukan Rakyat seperti sepak raga, tarik upih, tuju tin, kukur kelapa, lari dalam guni, congkak, tapak gajah, lompat getah, colek lidi dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga aktiviti zumba, pertandingan mewarna kanak-kanak, demonstrasi masakan tradisional, demonstrasi mencanting batik & membuat tembikar, Sesi *Engagement* bagi Variasi Inventori Warisan di Seberang Perai Bersama Komuniti dan persembahan kebudayaan.

9. Program yang mengetengahkan konsep mesra keluarga dan masyarakat ini adalah selaras dengan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Majlis Bandaraya Seberang Perai mengharapkan program ini akan menjadi pemangkin kepada komuniti dalam melestarikan warisan budaya di Seberang Perai khususnya dan negeri Pulau Pinang secara amnya.
10. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para penganjur dan kesemua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, yang telah bertungkus lumus menganjurkan program yang meriah ini.
11. Saya juga ingin menyatakan penghargaan saya kepada Ahli-Ahli Majlis, warga MBSP, masyarakat setempat dan pengunjung yang hadir beramai-ramai memberi sokongan dan mengambil bahagian dalam menjayakan serta memeriahkan Program Hari Warisan Seberang Perai. Besar harapan saya sekiranya para hadirin sekalian

dapat bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran sepanjang program ini diadakan.

12. Akhir kata, saya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan **Majlis Penutupan Hari Warisan Seberang Perai di Taman Upcycle, Bandar Perda.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.